

43 nelayan asing 'curi' hasil laut negara kena tahan

BH 25/09/23 m/s 16

Pasir Puteh: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) menahan 43 nelayan asing dan merampas bot, peralatan menangkap ikan serta hasil ikan dengan nilai keseluruhan RM3.86 juta, Khamis lalu.

Timbalan Pengarah Operasi Negeri Maritim Negeri Kelantan, Komander Maritim, Khairun Dalilah Baharin, berkata suspek berusia 16 hingga 61 tahun itu ditahan bersama empat bot menerusi Op Damai, Op Khas Kuda Laut, Op Naga Barat dan Op Tiris.

Beliau berkata rondaan dilakukan Kapal Maritim Amanah (KM Amanah) di sempadan perairan Malaysia - Vietnam.

Katanya, rampasan membatikan bot, peralatan menangkap ikan, peralatan navigasi dan komunikasi serta bekalan diesel 7,000 liter.

"Kira-kira 6,000 kilogram (kg) hasil tangkapan ikan turut dirampas dengan tangkapan bot pertama dan kedua pada jam 8.18 pagi dan 9.01 pagi di kedudukan 125 hingga 150 batu nautika dari muara Tok Bali.

"Ketika mengiringi dua bot tahanan, kapal penguat kuasa mengesan dua lagi bot nelayan dalam keadaan mencurigakan di kawasan berhampiran dan berjaya menahan bot berkenaan pada jam 2.32 petang dan 2.50 petang," katanya dalam sidang media di pejabatnya di sini, semalam.

Beliau berkata, semua bot tidak memberikan kerjasama dan cuba melarikan diri ke sempadan perairan namun Maritim Malaysia bertindak memintas bot dan melakukan 'force boarding' untuk menghentikan bot-bot berkenaan.

Katanya, selepas pegawai dan anggota menaiki bot nelayan Vietnam itu, mereka akhirnya mengalah dan akur memberikan kerjasama.

"Proses membawa balik bot tahanan mengambil masa 30 jam kerana sebuah bot mengalami kerosakan dan terpaksa ditunda sebelum tiba di Jeti Maritim Negeri Kelantan jam 4 pagi Jumaat lalu untuk diserahkan kepada pegawai penyiasat.

"Semua bot disyaki melakukan aktiviti perikanan secara haram di perairan negara dan disiasat di bawah Seksyen 15(1)(a) kerana gagal memamerkan sebarang dokumen kebenaran menangkap ikan di perairan Malaysia oleh Ketua Pengarah Perikanan Malaysia," katanya.